

**Najib Rasmi Wisma Perwira ATM
Bernama
Jan 13, 2015**

KUALA LUMPUR, 13 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini merasmikan bangunan Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang baharu di Jalan Padang Tembak di sini.

Bangunan baharu itu dibangunkan di atas tapak lama Wisma Perwira berdekatan dengan Kementerian Pertahanan yang upacara pecah tanahnya disempurnakan Najib, sebagai menteri pertahanan, pada 4 Sept 2008.

Wisma Perwira baharu itu mempunyai dua menara masing-masing setinggi 14 tingkat dan dihubungkan dengan sebuah 'sky bridge'. Pembinaannya menelan belanja RM128.5 juta.

Bangunan yang menjadi kemegahan ATM ini berfungsi sebagai tempat penganjuran majlis rasmi dan tidak rasmi tentera, seminar, mesyuarat dan penganjuran aktiviti lain berpandukan tradisi dan budaya ketenteraan.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa.

Najib dalam kata-kata aluan buku perasmian Wisma Perwira berkata wisma itu adalah tanda dan usaha kerajaan menghargai jasa pengorbanan dan sumbangan anggota serta pegawai ATM.

Perdana menteri berkata kerajaan mengambil inisiatif ini bagi memberikan kemudahan penginapan dan fasiliti yang lebih selesa kepada semua anggota dan pegawai ATM daripada Tentera Darat Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia dan Tentera Udara Diraja Malaysia.

"Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada ATM kerana berjaya merealisasikan hasrat saya sebagai menteri pertahanan pada masa tersebut," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1100166>